

**Najib akan beri keterangan dalam kes saman fitnah Harakahdaily,
kata peguam
Malaysian Insider
Feb 23, 2016
Oleh V. Anbalagan**

Datuk Seri Najib Razak dijadualkan memberi keterangan bulan depan dalam kes saman fitnahnya terhadap organ PAS, Harakadaily walaupun Mahkamah Rayuan menasihatkan awal bulan ini supaya perkara itu diselesaikan di luar mahkamah, kata peguam Mohd Faiz Fadzil.

"Kami diberitahu perdana menteri dan 2 yang lain akan memberi keterangan untuk plaintif," kata Faiz yang mewakili Pengarah Urusan Harakadaily Rosli Yaakob.

Faiz berkata, defendan menamakan 8 orang saksi termasuk bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas ketua pengarang kumpulan New Straits Times Press Datuk A. Kadir Jasin.

"Kami akan memohon untuk sepina Dr Mahathir, Kadir dan pengarang artikel daripada portal berita lain untuk mengukuhkan hujah pembelaan kami," katanya kepada The Malaysian Insider selepas pengurusan kes di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Hue Siew Kheng.

Tarikh perbicaraan ditetapkan selama 5 hari bermula 16 Mac.

Najib pada 5 Februari sekali lagi gagal membatalkan pembelaan Harakahdaily di mana panel 3 hakim diketuai Datuk Mohd Zawawi Salleh berkata rayuan perdana menteri menolak pembelaan perlindungan bersyarat dan komen yang adil tidak dapat diterima.

Zawawi berkata isu sama ada kedua-dua pembelaan itu boleh diperolehi Harakahdaily perlu didengar dan ditentukan selepas perbicaraan penuh.

Zawawi, yang menganggotai panel bersama Datuk Zamani A. Rahim dan Datuk Hasnah Mohammed Hashim hari ini, turut menasihatkan pihak-pihak terlibat menyelesaikan saman itu di luar mahkamah.

Najib mempunyai masa hingga 7 Mac sama ada untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan itu di Mahkamah Persekutuan.

"Pada ketika ini, saya tidak pasti sama ada plaintif bercadang untuk meneruskan perkara itu selanjutnya di mahkamah tertinggi," kata Faiz.

Peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan komen.

Seorang lagi defendan ialah ketua editor portal Harakahdaily Taufek Yahya yang diwakili Mohamed Hanipa Maidin.

Najib menyaman Harakahdaily berhubung artikel yang memetik laporan New York Times mengenai ahli perniagaan Jho Low dan anak Najib, Riza Aziz.

Pada 6 Ogos tahun lepas, Hue menolak permohonan Najib membatalkan pembelaan Harakahdaily ke atas satu artikel yang mengaitkan anak tirinya itu kepada firma pelaburan milik negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Najib memfailkan saman terhadap Taufek dan Rosli berhubung artikel Rosli pada 19 Februari tahun lepas bertajuk "Dana 1MDB biyai syarikat filem Riza Aziz? (Bhg 2)".

Dalam pernyataan tuntutan yang difailkan pada 18 Mac, Najib berkata, artikel itu mengandungi perkataan yang membawa maksud beliau menyalahgunakan dana 1MDB. – 23 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-beri-keterangan-dalam-kes-saman-fitnah-harakahdaily-kata-peguam>